

## **BAB LIMA**

### **MAF‘UL FIH**

#### **5.0. Pengenalan**

Bab ini membicarakan tentang definisi maf‘ul fih, kata nama yang berperanan seperti kata nama masa dan kata nama tempat, kedudukan kata nama tempat dan kata nama masa yang tidak mengandung makna partikal (في) dan fungsi maf‘ul fih. Seterusnya disentuh juga agen-agen yang menasabkan maf‘ul fih, keadaan-keadaan agen-agen yang menasabkan maf‘ul fih dan kategori maf‘ul fih.

#### **5.1. Definisi**

Maf‘ul fih adalah kata keterangan (zarf) masa dan tempat yang mengandung makna partikel في (iaitu makna ‘pada’ atau ‘di;’) dalam pelbagai keadaan (بأطرٍ). Maf‘ul fih terdiri daripada mana-mana kata nama yang membawa makna masa atau tempat, ataupun mana-mana kata nama

yang berperanan seperti kata nama masa dan kata nama tempat <sup>1</sup>(جَارٍ بَجْرَاهُ).

Kata nama yang membawa makna masa atau tempat, contohnya

جَلَسْتُ هُنَا أَرْمْنَا<sup>2</sup> (Aku duduk di sini sudah lama). Kata nama “هُنَا” adalah

kata nama isyarat yang merupakan kata nama tempat. Manakala kata nama

“أَرْمْنَا” pula merupakan kata nama masa. Kedua- dua kata nama “هُنَا” dan

kata nama “أَرْمْنَا” mengandungi makna partikel فِي. Jika dihuraikan ayat ini

akan berbunyi جَلَسْتُ فِي هَذَا الْمَوْضِعِ فِي أَرْمِنِ<sup>3</sup> (Aku duduk di tempat ini sudah

lama).

Yang dimaksudkan dengan mana- mana kata nama yang berperanan seperti kata nama masa dan kata nama tempat ialah:

(i) Kata nama bilangan yang membezakan di antara kata nama

masa dan kata nama tempat. Contohnya سِرْتُ عِشْرِينَ يَوْمًا ثَلَاثِينَ فَرَسَخًا<sup>4</sup> (Aku

berjalan tiga puluh farsakh dalam masa dua puluh hari). Kata nama عِشْرِينَ

adalah maf'ul fih kerana ia membawa makna kata nama masa setelah ia

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 337; Muhammad ‘Aliy ‘Ifsy, ms. 170.

<sup>2</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 269.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

diikuti oleh kata nama **يَوْمًا** yang merupakan salah satu kata nama yang dapat membezakan di antara kata nama- kata nama yang lain seperti **أُسْبُوعًا** (minggu), **شَهْرًا** (bulan), **سَنَةً** (tahun) dan sebagainya. Manakala kata nama **ثَلَاثِينَ** juga adalah maf'ul fih kerana ia membawa makna kata nama tempat setelah disusuli oleh kata nama **فَرَسِحًا** yang merupakan salah satu kata nama yang dapat membezakan di antara kata nama-kata nama tempat yang lain seperti **فَدَانًا** (ekar), **بُوصَةً** (inci), **ذِرَاعًا** (hasta) dan sebagainya.

(ii) Kata nama yang membawa makna sama ada keseluruhan atau sebahagian bagi kata nama masa dan kata nama tempat. Contohnya

**سِرْتُ جَمِيعَ الْيَوْمِ جَمِيعَ الْفَرَسِخِ أَوْ كُلَّ الْيَوْمِ كُلَّ الْفَرَسِخِ** <sup>1</sup> (Aku menghabiskan keseluruhan satu hari untuk menghabiskan perjalanan keseluruhan farsakh atau tiap-tiap hari bagi tiap-tiap farsakh). Kata nama **جَمِيعَ** dan kata nama **كُلَّ** adalah maf'ul fih setelah ia digabungkan dengan kata nama **الْيَوْمِ** dan kata nama **الْفَرَسِخِ**.

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

Kata nama **جَمِيع** dan kata nama **كُلِّ** membawa makna kata nama masa selepas penggabungannya dengan kata nama **الْيَوْم**. Seterusnya kata nama **جَمِيع** dan kata nama **كُلِّ** membawa makna kata nama tempat selepas penggabungannya dengan kata nama **الْفَرَسَخ**. Kata nama- kata nama **جَمِيع** dan **كُلِّ** dalam ayat di atas membawa makna secara keseluruhan bagi kata nama masa **الْيَوْم** dan kata nama tempat **الْفَرَسَخ**.

Kadangkala terdapat kata nama yang membawa makna hanya setakat sebahagian bagi kata nama masa dan kata nama tempat. Contohnya

**سِرْتُ بَعْضَ الْيَوْمِ بَعْضَ الْفَرَسَخِ أَوْ نِصْفَ الْيَوْمِ نِصْفَ الْفَرَسَخِ**<sup>1</sup> (Aku menghabiskan sebahagian waktu dari satu hari bagi sebahagian dari farsakh perjalanan atau aku menghabiskan separuh dari satu hari separuh dari farsakh perjalanan).

Kata nama **بَعْضَ** dan kata nama **نِصْفَ** adalah maf'ul fih setelah ia digabungkan dengan kata nama **الْيَوْم** dan kata nama **الْفَرَسَخ**. Kata nama **بَعْضَ** dan kata nama **نِصْفَ** membawa makna kata nama masa selepas

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

penggabungannya dengan kata nama أَلْيَوْمِ. Seterusnya kata nama بَعْضَ dan kata nama نِصْفَ membawa makna kata nama tempat selepas penggabungannya dengan kata nama الْفَرْسَخِ. Kata nama- kata nama بَعْضَ dan نِصْفَ dalam ayat di atas membawa makna secara sebahagian bagi kata nama masa أَلْيَوْمِ dan kata nama tempat الْفَرْسَخِ.

(iii) Kata nama yang merupakan sifat kepada kata nama masa dan kata nama tempat. Contohnya جَلَسْتُ طَوِيلًا مِنَ الدَّهْرِ شَرْقِيَّ الدَّارِ<sup>1</sup> (Aku duduk dalam jangka masa panjang (lama) di laman di bahagian timur rumah). Kata nama طَوِيلًا adalah maf'ul fih kerana ia merupakan sifat kepada kata nama masa الدَّهْرِ. Begitu juga kata nama شَرْقِيَّ adalah maf'ul fih kerana ia merupakan sifat kepada kata nama tempat الدَّارِ. Pada asalnya ayat ini berbunyi جَلَسْتُ زَمَنًا طَوِيلًا وَمَكَانًا شَرْقِيًّا<sup>2</sup> (Aku duduk dalam jangka masa yang panjang (lama) di bahagian timur).

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

(iv) Kata nama masdar (إِسْمٌ مَّصْدَرٍ) yang mengambil alih tempat kata nama masa yang dibuang. Contohnya جِئْتُكَ صَلَاةَ الْعَصْرِ أَوْ قُدُومَ الْحَاجِّ<sup>1</sup> (Aku datang kepada engkau pada masa sembahyang ‘asar atau semasa kedatangan orang haji). Kata nama masdar (مَّصْدَرٌ) صَلَاةٌ dan قُدُومٌ adalah maf‘ul fih kerana kedua-duanya menggantikan kata nama masa yang dibuang iaitu kata nama وَقْتٌ. Pada asalnya ayat ini جِئْتُكَ وَقْتِ صَلَاةِ الْعَصْرِ أَوْ وَقْتِ قُدُومِ الْحَاجِّ<sup>2</sup> (Aku datang kepada engkau sewaktu sembahyang ‘Asar atau semasa ketibaan orang haji).

Yang dimaksudkan dengan mana-mana kata nama yang selari dengan kata nama masa dan kata nama tempat ialah beberapa perkataan yang diguna pakai oleh orang Arab yang mengandungi makna partikel فِي. Di antaranya ialah kata nama حَقٌّ seperti أَحَقًّا أَنْتَ دَاهِبٌ<sup>3</sup> (Adakah betul engkau pergi).

Kata nama حَقٌّ adalah maf‘ul fih dan ia dikira prediket yang didahulukan

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 338.

(حَبْرٌ مُّقَدَّمٌ) dan أَنْتَ ذَاهِبٌ adalah subjek. Ayat ini pada asalnya berbunyi

أَفِي حَقِّ ذَهَابِكَ<sup>1</sup> (Adakah pemergian engkau adalah betul)

Sekiranya kata nama tempat dan kata nama masa tidak mengandungi makna partikel فِي ia tidak dikira sebagai maf'ul fih<sup>2</sup> seperti :

(i) Jika kata nama masa merupakan subjek.

Contohnya يَوْمَ الْجُمُعَةِ يَوْمٌ مُّبَارَكٌ<sup>3</sup> (Hari Jumaat merupakan hari yang diberkati). Kata nama يَوْمٌ di dalam ayat di atas bukanlah maf'ul fih walaupun ia adalah kata nama masa. Ini adalah disebabkan ia merupakan subjek dalam ayat tersebut.

(ii) Jika kata nama merupakan prediket. Contohnya الدَّارُ دَارٌ وَاسِعَةٌ<sup>4</sup>

(Rumah itu adalah rumah yang luas). Kata nama دَارٌ yang kedua bukanlah maf'ul fih walaupun ia adalah kata nama tempat. Ini adalah disebabkan ia merupakan prediket.

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Amin 'Aliy al-Sayyid, ms. 307

<sup>3</sup> 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 269.

<sup>4</sup> 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 269.

(iii) Jika kata nama merupakan pelaku. Contohnya جَاءَ يَوْمَ <sup>1</sup>الإِمْتِحَانِ

(Hari peperiksaan telah tiba). Kata nama يَوْمَ dalam ayat di atas bukanlah maf'ul fih walaupun ia adalah kata nama masa. Ini adalah disebabkan ia merupakan pelaku bagi kata kerja جَاءَ.

(iv) Jika kata nama tersebut maf'ul bih. Contohnya يَخَافُونَ <sup>2</sup>يَوْمًا

(Mereka takut kepada hari). Kata nama يَوْمًا dalam ayat di atas bukanlah maf'ul fih walaupun ia adalah kata nama masa. Ini adalah disebabkan ia merupakan maf'ul bih kepada kata kerja يَخَافُ yang dilakukan oleh huruf (و) waw al- jama'ah.

Zarf Mutasarrif ( مُتَصَرِّفٌ ) Dan Zarf Yang Tak Mutasarrif

Kata nama keterangan masa dan kata nama keterangan tempat terbahagi kepada dua iaitu:

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 218.



(i) Kata nama keterangan masa dan kata nama keterangan tempat mutasarriif. Yang dimaksudkan dengan mutasarriif ialah ia digunakan untuk tujuan menerangkan zarf dan juga digunakan untuk fungsi yang lain.<sup>1</sup>

(a) Kata keterangan masa mustasarriif yang berfungsi sebagai zarf.

Contohnya يَوْمَ الْجُمُعَةِ<sup>2</sup> سَافَرْتُ (Aku belayar pada hari Jumaat). Di sini lafaz يَوْمَ berfungsi sebagai zarf.

(b) Kata keterangan masa yang berfungsi sebagai subjek. Contohnya<sup>3</sup>

الْيَوْمُ مُبَارَكٌ (Hari ini adalah hari yang diberkati). Dalam ayat di atas lafaz الْيَوْمُ berfungsi sebagai subjek.

(c) Kata keterangan masa yang berfungsi sebagai pelaku. Contohnya

يَوْمٌ سَعِيدٌ (Berlalu hari bahagia). Di sini lafaz يَوْمٌ berfungsi sebagai pelaku kepada kata kerja انْقَضَى.

---

<sup>1</sup> al-Sabban, Juz. 2, ms. 131; Amin ‘Aliy al-Sayyid, Juz. I, ms.310.

<sup>2</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 277

<sup>3</sup> Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 221.

<sup>4</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 277

(d) Kata keterangan masa yang berfungsi sebagai maf'ul bih. Contohnya <sup>1</sup>أَحْبَبْتُ يَوْمَ قُدُومِكَ (Aku suka pada hari kedatangan engkau). Dalam ayat di atas perkataan يَوْمَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَحَبَّ manakala pelakunya pula adalah kata ganti nama yang berhubung iaitu ت .

(e) Kata keterangan masa yang berfungsi sebagai prediket. Contohnya <sup>2</sup>الْيَوْمَ يَوْمٌ مُّبَارَكٌ (Hari ini adalah hari yang diberkati). Di sini lafaz يَوْمٌ yang kedua berfungsi sebagai prediket kepada subjek الْيَوْمَ yang berfungsi sebagai subjek.

(f) Kata keterangan masa yang berfungsi sebagai gabungan <sup>3</sup>سِرْتُ نِصْفَ الْيَوْمِ (Aku berjalan separuh hari). Dalam ayat di atas kata nama الْيَوْمِ berfungsi sebagai gabungan kepada kata nama نِصْفَ .

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 359.

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 444.

<sup>3</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 342

(g) Kata keterangan tempat mutasarrif yang berfungsi sebagai zarf.

Contohnya جَلَسْتُ مَكَانَكَ<sup>1</sup> (Aku duduk pada tempat engkau). Disini lafaz

مَكَانَ berfungsi sebagai zarf.

(h) Kata keterangan tempat yang berfungsi sebagai subjek. Contohnya

مَكَانُ طَاهِرٌ<sup>2</sup> (tempat engkau adalah suci). Dalam ayat di atas lafaz مَكَانُ

berfungsi sebagai subjek.

(i) Kata keterangan tempat yang berfungsi sebagai prediket. Contohnya

مَكَانُكَ مَكَانٌ مُرْتَفِعٌ<sup>3</sup> (Tempat engkau merupakan tempat yang tinggi iaitu

mulia). Di sini lafaz مَكَانٌ yang kedua berfungsi sebagai prediket kepada

مَكَانٌ pertama yang berfungsi sebagai subjek.

(j) Kata keterangan tempat yang berfungsi sebagai pelaku. Contohnya

أَعْجَبَنِي الْيَوْمُ وَمَكَانُكَ<sup>4</sup> (Hari ini dan tempat engkau (iaitu kedudukan engkau)

---

<sup>1</sup> Tilb, Juz.2, ms. 124

<sup>2</sup> Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 221.

<sup>3</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 277

<sup>4</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms.221.

mengkagumkan aku). Di sini lafaz مَكَانٌ merupakan gandingan kepada kata nama الْيَوْمُ yang merupakan pelaku kepada kata kerja أَعْجَبَنِي. Jadi apabila ia merupakan gandingan kepada pelaku secara automatik juga ia berfungsi seperti pelaku.

(k) Kata keterangan tempat yang berfungsi sebagai maf'ul bih. Contohnya أَحَبُّتُ مَكَانَ زَيْدٍ<sup>1</sup> (Aku suka terhadap tempat Zayd). Dalam ayat di atas perkataan مَكَانَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَحَبُّتُ manakala pelakunya pula adalah kata gantinama yang berhubung iaitu زَيْدٌ.

(ii) Kata keterangan tak mutasarrif terbahagi kepada dua jenis:

(a) Kata keterangan yang hanya digunakan untuk tujuan menerangkan masa dan ia tidak boleh didahului oleh partikel (مِنْ). Kata nama tersebut ialah فَطْرٌ<sup>2</sup> yang digunakan untuk masa yang lalu. Kata nama tersebut hendaklah digunakan dalam ayat yang berbentuk penafian.<sup>3</sup> Contohnya

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 125; Muhammad Ahmad Marjan, ms. 34.

<sup>3</sup> al-Sabbuniy, ms. 158.

<sup>1</sup> قَطُّ (Aku telah tidak melakukannya sekali-kali). Kata nama قَطُّ ini diambil (مُشْتَقَّةٌ) dari قَطَطْتُ الشَّيْءَ<sup>2</sup> yang membawa makna قَطَعْتُهُ (aku telah potongnya). Seterusnya kata nama عَوْضٌ<sup>3</sup> yang digunakan untuk masa hadapan. Kata nama tersebut hendaklah digunakan dalam ayat yang berbentuk penafian. Contohnya لَا أَفْعَلُهُ عَوْضٌ<sup>4</sup> (Aku tidak akan melakukannya selama-lamanya). Kata nama عَوْضٌ ini diambil (مُشْتَقَّةٌ) dari الْعَوْضُ<sup>5</sup>.

(b) Kata keterangan yang menerangkan masa dan ia boleh didahului oleh partikel (مِنْ). Kata nama tersebut ialah قَبْلَ<sup>6</sup> dan بَعْدَ.

Contohnya حَضَرْتُ قَبْلَ الْمِيْعَادِ وَوَلَمْ أَحْضُرْ بَعْدَهُ<sup>7</sup> (Aku datang sebelum tiba masa yang dijanjikan dan aku tidak tiba selepas masa tersebut).. Dalam ayat di atas kata keterangan masa قَبْلَ dan بَعْدَ tidak didahului oleh partikel (مِنْ).

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 342.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 261; Ibn Hisyam, Juz. 1, ms. 172.

<sup>4</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms. 132.

<sup>5</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 125

<sup>6</sup> al-Azhariy, Juz.1, ms. 342; Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 1, ms. 262.

<sup>7</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 262

Pada masa yang sama kata keterangan masa قبل dan بعد didahului oleh partikel (مِنْ). Contohnya حَضَرْتُ مِنْ قَبْلِ الْمِيْعَادِ وَلَمْ أَحْضُرْ مِنْ بَعْدِهِ<sup>1</sup> (Aku datang sebelum dari masa yang dijanjikan dan aku tidak tiba selepas dari masa tersebut). Walaupun kata keterangan masa قَبْلَ dan بَعْدَ didahului oleh partikel (مِنْ) ia masih lagi berfungsi sebagai zarf.

(c) Kata keterangan yang menerangkan tempat dan ia boleh didahului oleh partikel (مِنْ). Kata nama tersebut ialah عِنْدَ dan لَدُنْ<sup>2</sup>.

Contohnya مَكَّنْتُ عِنْدَكَ سَاعَةً ثُمَّ خَرَجْتُ مِنْ عِنْدِكَ إِلَى بَيْتِي<sup>3</sup> (Aku berada di sisi engkau selama satu jam kemudian aku meninggalkan engkau untuk pulang ke rumah aku). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat (عِنْدَكَ) yang pertama tidak didahului oleh partikel (مِنْ) manakala kata keterangan tempat عِنْدِكَ yang kedua pula didahului oleh partikel (مِنْ). Walaupun kata keterangan tempat (عِنْدِكَ) yang kedua didahului oleh partikel (مِنْ), ia masih

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz.1, ms 342; al-Sabban, Juz.2, ms. 132

<sup>3</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 262.

lagi berfungsi sebagai zarf. Manakala bagi kata keterangan tempat (لَدُنْ)

pula contohnya

سَأَقْضِدُ الْحَدَائِقَ لَدُنَّ الصُّبْحِ حَتَّى الضُّحَا ثُمَّ أَعُودُ مِنْ لَدُنْهَا<sup>1</sup> (Aku pergi ke kebun-kebun

di sisi waktu pagi sehingga waktu duha kemudian aku pulang dari kebun-

kebun di sisi waktu duha). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat (لَدُنْ)

yang pertama tidak didahului oleh partikel (مِنْ) manakala kata keterangan

tempat (لَدُنْ) yang kedua didahului oleh partikel (مِنْ). Walaupun kata

keterangan tempat (لَدُنْ) didahului oleh partikel (مِنْ) ia masih lagi berfungsi

sebagai zarf.

## 5.2. Fungsi Maf'ul Fih

### 1. Menerangkan masa berlakunya kata kerja.

Contohnya يَتَّبَادَلُ الْمُسْلِمُونَ الزِّيَارَةَ فِيمَا بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْعِيدِ (orang-orang Islam

saling menziarahi di antara satu sama lain pada hari raya). Kata nama يَوْمَ

---

<sup>1</sup> Ibid.

adalah maf'ul Fih yang berfungsi untuk menerangkan masa berlakunya kata kerja **يَتَبَادَلُ**.

2. Menerangkan tempat berlakunya kata kerja.

Contohnya **أَوْقِفْ سَيَّارَتَكَ جَانِبَ الطَّرِيقِ** (hentikan kereta engkau ditepi jalan).

Kata nama **جَانِبَ** adalah maf'ul fih yang berfungsi untuk menerangkan tempat berlakunya kata kerja **أَوْقِفْ**.

### 5.3. Agen Yang Menasabkan Maf'ul Fih

Agen-agen yang menasabkan maf'ul fih ialah:

(i) Kata kerja tak transitif (**الْفِعْلُ الْأَلَزِمُ**) yang disebut sebelum dari

maf'ul fih. Contohnya **عَدَا<sup>1</sup> يَحْضُرُ عَلَيَّ** (Ali datang besok). Kata nama **عَدَا**

adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata kerja **يَحْضُرُ** yang disebut terdahulu darinya.

---

<sup>1</sup> al-Rajhiy, ms. 241.



(ii) Kata kerja transitif (الْفِعْلُ الْمُتَعَدِيُّ) yang disebut sebelum dari maf'ul fih. Contohnya أَجَزْتُ عَمَلِي مَسَاءً<sup>1</sup> (Aku menjalankan tugas aku pada waktu petang). Kata nama مَسَاءً adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata kerja أَجَزْتُ yang disebut sebelum darinya.

(iii) Masdar (الْمَصْدَرُ). Contohnya صَبَاَحًا مُفِيدًا<sup>2</sup> (Berjalan pada waktu pagi adalah merupakan sesuatu yang berfaedah). Kata nama صَبَاَحًا adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh masdar الْمَشْيُ yang disebut terdahulu darinya.

(iv) Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Contohnya أَنَا حَاضِرٌ غَدًا عِنْدَكَ<sup>3</sup> (Aku datang besok di sisi engkau). Kata nama عِنْدَكَ dan غَدًا adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata nama pelaku حَاضِرٌ yang disebut sebelum darinya.

(v) Kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ).

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, : Juz. 2, ms.244.

<sup>2</sup> 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 271.

<sup>3</sup> 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Fakhir: Juz. 2, ms. 271.

Contohnya <sup>1</sup> الْمَحَلُّ مَفْتُوحٌ صَبَاحًا وَمُعَلَّقٌ مَسَاءً (Kedai dibuka pada waktu pagi dan ditutup pada waktu petang). Kata nama صَبَاحًا adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata nama objek مَفْتُوحٌ yang disebut sebelum darinya. Manakala kata nama مَسَاءً pula adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata nama objek مُعَلَّقٌ yang juga disebut terdahulu darinya.

(vi) Pola kepalingan (صِبْعَةُ الْمُبَالِغَةِ).

Contohnya <sup>2</sup> الْكَرِيمُ كَرِيمٌ طُولَ حَيَاتِهِ (Orang yang mulia itu, mulia sepanjang hidupnya). Kata nama طُولٌ adalah maf'ul fih yang dinasabkan oleh kata nama kepalingan كَرِيمٌ yang disebut sebelum darinya.

(vii) Kata nama pelaku yang ditakwilkan (إِسْمُ الْفَاعِلِ الْمُؤَوَّلِ).

Contohnya <sup>3</sup> أَنَا عُمَرُ عِنْدَ الْفَصْلِ فِي قَضَايَا النَّاسِ (Aku adalah 'Umar di dalam kelas dalam menyelesaikan permasalahan manusia). Kata nama عِنْدَ adalah maf'ul

---

<sup>1</sup> al-Rajhiy, ms.242.

<sup>2</sup> al-Rajhiy, ms.242.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz.2, ms. 245.

fiḥ yang dinasabkan oleh kata nama pelaku yang ditakwilkan iaitu kata nama pelaku **الْعَادِلُ**.

(viii) Pola kepalangan yang ditakwilkan (**صَيْعَةُ الْمُبَالَعَةِ الْمُؤَوَّلَةِ**).

Contohnya **أَنْتَ مُعَاوِيَةُ سَاعَةَ الْعَضْبِ**<sup>1</sup> (Engkau adalah Mu‘awiyah ketika marah). Kata nama **سَاعَةَ** adalah maf‘ul fiḥ yang dinasabkan oleh kata nama kepalangan yang ditakwilkan iaitu kata nama kepalangan **الْحَلِيمُ**.

#### **5.4. Keadaan Agen Maf‘ul Fiḥ**

Keadaan agen yang menasabkan maf‘ul fiḥ terbahagi kepada tiga:.

(i) Hendaklah disebut. Ini merupakan hukum yang asal bagi agen yang menasabkan maf‘ul fiḥ.<sup>2</sup> Contohnya **سِرْتُ بَيْنَ الصَّفَيْنِ سَاعَةً**<sup>3</sup> (Aku berjalan di antara dua barisan selama satu jam). Agen yang menasabkan bagi kedua-dua maf‘ul fiḥ iaitu kata nama keterangan tempat **بَيْنَ** dan kata

---

<sup>1</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 245.

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 340

<sup>3</sup> al-Diqr, cet. I, ms. 358

nama keterangan masa *سَاعَةً* ialah kata kerja *سِرْتُ* yang disebut sebelum dari kedua-dua kata nama keterangan ini.

(ii) Harus dibuang agen yang menasabkan maf'ul fih sekiranya ia boleh difahami melalui bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مُّقَالِيٌّ).

Contohnya *فَرَسَخَيْنِ أَوْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ*<sup>1</sup> (Tiga batu perjalanan ataupun hari Jumaat). Kata nama *فَرَسَخَيْنِ* merupakan kata nama keterangan tempat.

Manakala agen yang dibuang adalah kata kerja *سِرْتُ*. Jika ditakwilkan ayat

ini akan berbunyi *سِرْتُ فَرَسَخَيْنِ*<sup>2</sup>. Ia merupakan jawapan kepada soalan yang

berbunyi *كَمْ سِرْتُ*<sup>3</sup>. Kata nama *الْجُمُعَةِ* merupakan kata nama keterangan

masa. Manakala agen yang dibuang ialah kata kerja *صُمْتُ*. Jika ditakwilkan

ayat ini akan berbunyi *صُمْتُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ*<sup>4</sup>. Ia merupakan jawapan kepada

soalan yang berbunyi *مَتَى صُمْتُ*<sup>5</sup> (Bilakah engkau berpuasa).

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 340

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 340

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> al-Azhariy, Juz 1, ms. 340

(iii) Hendaklah dibuang dalam enam keadaan, iaitu:

(a) Sekiranya maf'ul fih itu merupakan sifat.

Contohnya شَاهَدْتُ طَائِرًا فَوْقَ الْعُصْنِ<sup>1</sup> (Aku melihat seekor burung di atas dahan). Kata nama فَوْقَ yang merupakan kata nama keterangan tempat adalah sifat kepada kata nama طَائِرًا. Dalam ayat di atas agen yang menasabkan kata nama keterangan tempat فَوْقَ tidak disebut.

(b) Sekiranya maf'ul fih merupakan silah.

Contohnya إِحْتَفَيْتُ بِالصَّدِيقِ الَّذِي مَعَكَ<sup>2</sup> (Aku memuliakan kawan yang berada bersama-sama engkau). Kata nama مَعَ yang merupakan maf'ul fih adalah silah (صِلَّةٌ) kepada kata nama mawsul الَّذِي. Dalam ayat di atas agen yang menasabkan kata nama keterangan tempat مَعَ tidak disebut.

---

<sup>1</sup> 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 272.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz.2, ms. 247.

(c) Sekiranya maf'ul fih merupakan prediket. Contohnya أَمَامَكَ<sup>1</sup>

(Buku itu berada di hadapan engkau). Kata nama أَمَامٌ yang merupakan kata nama keterangan tempat adalah prediket kepada kata nama الْكِتَابُ yang merupakan subjek. Dalam ayat di atas agen yang menasabkan kata nama keterangan tempat أَمَامٌ tidak disebut.

(d) Sekiranya maf'ul fih merupakan hal ( حَالٌ ). Contohnya

بَيْنَ السُّحُبِ<sup>2</sup> (Bercahaya kilat di celah awan). Kata nama بَيْنَ

merupakan kata nama keterangan tempat adalah hal kepada kata nama الْبَرْقُ.

Dalam ayat di atas agen yang menasabkan kata nama keterangan tempat بَيْنَ

tidak disebut.

(e) Sekiranya agen tersebut terdiri dari perkataan yang memang tidak disebut oleh orang Arab dalam kebanyakan situasi penggunaan.

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 358.

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 358..

Contohnya حِينَئِذٍ الْآنَ<sup>1</sup> (Ketika itu sekarang). Kata nama حِينَ merupakan kata nama keterangan masa yang dibuang daripadanya agen yang menasabkannya. Dalam masa yang sama, kata nama keterangan masa حِينَ ini digandingkan kepada kata nama إِذٍ. Gandingan bagi kedua-dua kata nama حِينَ dan إِذٍ ini adalah bertujuan untuk memberi keterangan yang lebih jelas lagi. Ia merupakan gandingan daripada perkara yang umum kepada perkara yang khusus. Kata nama الْآنَ pula merupakan kata nama keterangan masa yang dibuang daripadanya agen yang menasabkannya. Kata nama الْآنَ hendaklah sentiasa dibariskan dengan baris di atas. Ia mengandungi makna أَلٌ. Kata nama الْآنَ ini menunjukkan kata nama keterangan masa semasa<sup>2</sup> (الْحَاضِرُ). Jika dikembalikan agen-agen yang dibuang ayat ini akan berbunyi كَانَ ذَلِكَ حِينَئِذٍ وَأَسْمَعُ الْآنَ<sup>3</sup> (Adalah itu ketika itu aku mendengar sekarang). Oleh itu agen-agen yang dibuang dalam ayat di atas ialah kata kerja كَانَ dan kata kerja أَسْمَعُ. Pada asalnya ia merupakan dua ayat berasingan. Ayat ini

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 358; Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 247; al-Sabban, Juz. 1, ms. 219.

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 340; al-Sabbuniy, ms. 158.

<sup>3</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 340; al-Diqr, ms. 358.

adalah jawapan oleh orang pertama kepada orang yang berkata kepadanya. Iaitu orang pertama mengatakan, apa yang engkau katakan berlaku pada ketika itu aku mendengarnya sekarang.<sup>1</sup>

(f) Sekiranya maf'ul fih merupakan ishtighal (مُشْتَغِلاً عَنْهُ).

Contohnya يَوْمَ الْخَمِيسِ صُمْتُ فِيهِ<sup>2</sup> (Pada hari khamis aku berpuasa padanya).

Kata nama يَوْمَ adalah kata nama keterangan masa yang dibuang daripadanya agen yang menasabkannya. Agen yang dibuang ini adalah kata kerja yang mana kata kerja tersebut ditafsirkan oleh kata kerja صُمْتُ yang terdapat dalam ayat tersebut. Jika ditakwilkan ayat di atas akan berbunyi

صُمْتُ يَوْمَ الْخَمِيسِ صُمْتُ فِيهِ<sup>3</sup> (Aku berpuasa hari Khamis aku berpuasa padanya). Adalah menjadi kesalahan bagi tatabahasa Bahasa Arab sekiranya kita mengatakan صُمْتُ يَوْمَ الْخَمِيسِ صُمْتُ (Aku berpuasa hari Khamis, aku berpuasanya). Sekiranya dikaji dari sudut analisis (إِعْرَابٌ) kata ganti nama (هُ) yang mana ia kembali kepada kata nama keterangan masa يَوْمَ ia menjadi

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 340.

<sup>2</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 340.

<sup>3</sup> Ibid.



maf‘ul bih (الْمَفْعُولُ بِهِ). Sedangkan zarf sama sekali tidak boleh menjadi maf‘ul bih mengikut tatabahasa bahasa Arab. Malah ia hanyalah boleh menjadi majrur sebagaimana disebut dalam ayat terdahulu yang berbunyi صُمْتُ يَوْمَ الْخَمِيسِ صُمْتُ فِيهِ (Aku berpuasa hari Khamis aku berpuasa padanya). Kata gantinama (٥) yang mana ia kembali kepada kata nama keterangan masa يَوْمٌ adalah majrur dengan partikal فِي.

### 5.5. Kategori Maf‘ul Fih

Semua kata nama keterangan masa dinasabkan di atas dasar zarf. Sama ada ia merupakan kata nama keterangan masa kabur (مُبْتَهَمٌ) seperti حِينًا ‘seketika’ mahu pun kata nama keterangan masa khusus (مُخْتَصِّصٌ) seperti الْيَوْمُ ‘Hari Ini’.

(i) Kata keterangan masa kabur (مُبْتَهَمٌ).<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan kata nama keterangan masa kabur adalah ia tidak menunjukkan

---

<sup>1</sup> Amin ‘Aliy al-Sayyid, Juz. I, ms. 309.

tempoh masa yang tertentu, contoh إِسْتَرَحْتُ حِينًا<sup>1</sup> (Aku berehat seketika)

dinasabkan di atas dasar zarf.

(ii) Kata keterangan masa khusus (مُخْتَصٌّ) terbahagi dua iaitu tertentu (مَعْرِفَةٌ) dan tak tertentu<sup>2</sup> (نَكِيرَةٌ).

(a) Kata keterangan masa khusus (مُخْتَصٌّ) yang tertentu (مَعْرِفَةٌ)

merangkumi:

(i) Kata nama keterangan ‘alam (أَلْمَعْرِفُ بِالْعَلَمِيَّةِ) seperti

<sup>3</sup> صُمْتُ رَمَضَانَ (Aku berpuasa pada Ramadhan) dinasabkan di atas dasar zarf.

(ii) Kata keterangan masa yang disertai dengan (أَلٌ) seperti

<sup>4</sup> سِرْتُ الْيَوْمَ (Aku berjalan pada hari ini) dinasabkan di atas dasar zarf.

---

<sup>1</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 252.

<sup>2</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 273.

<sup>3</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms. 219

<sup>4</sup> Tilb, Juz. 2, ms.122.

(iii) Kata keterangan masa yang menjadi gandingan (الإِضَافَةُ) seperti

جِئْتُ يَوْمَ الشَّتَاءِ<sup>1</sup> (Aku datang pada musim sejuk) dinasabkan di atas dasar

zarf, setelah ia digandingkan dengan kata nama الشَّتَاءُ.

(b) Kata keterangan masa khusus (مُحْتَصٌّ) yang tak tertentu (نَكْرَةٌ)

merangkumi:

(i) Kata keterangan masa yang dibilang (مَعْدُودَةٌ) seperti

صُئْتُ يَوْمًا أَوْ يَوْمَيْنِ<sup>2</sup> (Aku berpuasa selama satu hari atau dua hari) dinasabkan

di atas dasar zarf.

(ii) Kata keterangan masa yang disifatkan (مَوْصُوفَةٌ) seperti

سِرْتُ يَوْمًا جَمِيلًا<sup>3</sup> (Aku berjalan pada hari yang indah) dinasabkan di atas

dasar zarf. Setelah ia disifatkan dengan kata nama جَمِيلًا.

---

<sup>1</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms. 219.

<sup>2</sup> Tilb, Juz. 2, ms.122.

<sup>3</sup> ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Fakhir, Juz. 2, ms. 273.

Kata keterangan tempat dinasabkan di atas dasar zarf dalam dua keadaan sahaja.<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan kata keterangan tempat kabur adalah ia memerlukan kepada kata nama lain untuk menerangkan maksudnya yang sebenar.<sup>2</sup>

(i) Kata nama keterangan tempat kabur (مُبْهَمٌ) merangkumi:

(a) Kata keterangan arah yang enam iaitu (الْجِهَاتُ السِّتُّ) iaitu

أمامٌ dan وراءٌ, يمينٌ, شمالٌ, فوقٌ, تَحْتٌ. <sup>3</sup> Contohnya جَلَسْتُ أَمَامَكَ <sup>4</sup> (Aku duduk di hadapan engkau). Dalam ayat di atas kata nama keterangan tempat أمامٌ dinasabkan di atas dasar zarf.

(b) Kata keterangan arah yang digunakan secara berleluasa

contohnya (وَمَا أَشْبَهُهَا فِي الشِّيَاعِ)<sup>5</sup>. Di antaranya ialah جَانِبٌ, نَاحِيَةٌ dan مَكَانٌ

جَلَسْتُ جَانِبَ زَيْدٍ<sup>1</sup> (Aku duduk di samping Zayd). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat جَانِبٌ dinasabkan di atas dasar zarf.

<sup>1</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms. 220; al-Azhariy, Juz. 1, ms. 341.

<sup>2</sup> ‘Amin ‘Aliy al-Sayyid, Juz. I, ms.309; al-Azhariy, Juz I, ms. 341.

<sup>3</sup> al-Sabbuniy, ms. 163; Amin ‘Aliy al-Sayyid, Juz. I, ms.309.

<sup>4</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 341.

<sup>5</sup> al-Sabban, Juz. 1, ms. 129.

(c) Kata keterangan ukuran. Di antaranya ialah فَرَسَخٌ, بَرِيدًا, عُلُوَّةٌ dan مَيْلًا

Contohnya سِرْتُ بَرِيدًا<sup>2</sup> (Aku berjalan sejauh dua belas batu). Dalam ayat di atas kata keterangan ukuran بَرِيدًا dinasabkan di atas dasar zarf.

(ii) Kata keterangan tempat yang mana kata dasarnya sama dengan kata dasar bagi kata kerja yang menjadi agen nasab kepada kata keterangan tempat tersebut. Kata keterangan tempat jenis ini merangkumi:

(a) Kata tempat tunggal (مُفْرَدٌ).

Contohnya جَلَسْتُ بِمَجْلِسِ الْقَاضِي<sup>3</sup> (Aku duduk tempat duduk qadi). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat tunggal بِمَجْلِسِ dinasabkan di atas dasar zarf.

(b) Kata keterangan tempat banyak ataupun ramai (جَمْعٌ).

Contohnya وَإِنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ<sup>4</sup> (Pada hal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 341.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> al-Diqr, ms. 444.

<sup>4</sup> Surah al-Jin, ayat 9.

mendengar (percakapan penduduknya)). Dalam ayat al-Qur'an al-Karim kata nama keterangan tempat banyak مَمَّاعِدَ dinasabkan di atas dasar zarf

(c) Kata keterangan tempat yang agen nasabnya kata kerja suruhan.

Contohnya <sup>1</sup> قُمْ مَقَامَ زَيْدٍ (Berdirilah atau (bangunlah) tempat berdiri (tempat bangun) Zayd). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat مَقَامَ dinasabkan di atas dasar zarf oleh agen nasabnya kata kerja suruhan قُمْ.

(d) Kata keterangan tempat yang agen nasabnya ialah wasf (الْوَصْفُ)

seperti <sup>2</sup> أَنَا قَائِمٌ مَقَامَكَ (Aku berdiri pada tempat berdiri engkau). Di sini kata keterangan tempat مَقَامَ dinasabkan di atas dasar zarf oleh agen nasabnya wasf قَائِمٌ.

(e) Kata keterangan tempat yang agen nasabnya masdar (الْمَصْدَرُ).

Contohnya <sup>3</sup> عَجِيبٌ مِنْ مَقَامِ زَيْدٍ مَقَامَكَ (Yang menakjudkan adalah Zayd berdiri

---

<sup>1</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 341.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

pada tempat berdiri engkau). Dalam ayat di atas kata keterangan tempat مَقَامٌ  
dinasabkan di atas dasar zarf oleh agen nasabnya masdar (الْمَصْدَرُ الْمِيمِيُّ).

## 5.6. Kesimpulan

Agen yang menasabkan maf'ul fih ialah kata kerja tak transitif  
(الْفِعْلُ اللَّازِمُ), kata kerja transitif (الْفِعْلُ الْمُتَعَدِيُّ), masdar (الْمَصْدَرُ), kata nama  
pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ), kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ), pola kepalangan (صِيغَةُ  
الْمُبَالَغَةِ), kata pelaku yang ditakwilkan (اسْمُ الْفَاعِلِ الْمُؤَوَّلِ) dan pola kepalangan  
yang ditakwilkan (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ الْمُؤَوَّلَةِ).

Keadaan agen yang menasabkan maf'ul fih terbahagi kepada tiga.  
Pertama wajib disebut. Kedua harus dibuang sekiranya ia boleh difahami  
melalui bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَقَالِيٌّ) dan ketiga wajib dibuang dalam  
enam keadaan. Pertama sekiranya maf'ul fih merupakan sifat. Kedua  
sekiranya maf'ul fih merupakan silah. Ketiga sekiranya maf'ul fih  
merupakan prediket. Keempat sekiranya maf'ul fih merupakan hal (حَالٌ).

Kelima sekiranya ia terdiri dari perkataan yang memang tidak disebut oleh orang Arab dalam kebanyakan situasi penggunaan. Keenam sekiranya maf'ul fih merupakan isytighal (مُشْتَعِلًا عَنْهُ). Dari segi semantik terdapat perbezaan di antara kata tempat dan kata masa yang mengandungi partikel فِي dan sebaliknya.